



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MALAYSIA TECHLYMPICS 2026 ZON UTARA – CETUS IDEA, UJI BAKAT, LAHIR INOVASI

KULIM, 8 SEPTEMBER 2026 – Perkembangan semasa teknologi seperti kecerdasan buatan (Artificial Intelligence – AI), robotik, dron, pengkodan, pengkomputeran dan Internet Kebendaan (IoT) sedang mengubah cara kita bekerja, belajar dan menjalani kehidupan. Dalam konteks berkenaan, pendedahan kepada teknologi baharu perlu dimulakan lebih awal supaya generasi muda mempunyai keupayaan untuk menyesuaikan diri dan memanfaatkan teknologi secara strategik.

Dalam ucapannya, YB Datuk Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan bahawa sasaran pembudayaan STI adalah agar Malaysia mampu bergerak ke hadapan dan bukan hanya sekadar menjadi pengguna teknologi pada masa akan datang. MOSTI dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berazam ingin melahirkan generasi yang mampu mencipta teknologi, mengadaptasi inovasi dan menerajui perubahan. Setiap idea yang dicetuskan, setiap masalah yang diselesaikan dan setiap inovasi yang dihasilkan hari ini merupakan langkah kecil ke arah membina masa hadapan Malaysia yang lebih baik, progresif dan maju.

"Malaysia Techlympics memberi ruang kepada pelajar dan belia untuk keluar daripada pembelajaran secara teori kepada pengalaman sebenar melalui pendekatan *hands-on*, pembelajaran berasaskan pengalaman (*experiential learning*) dan penyelesaian masalah. Mereka bukan sekadar belajar tentang teknologi, tetapi diberi peluang untuk menguji idea, mencipta penyelesaian dan menghasilkan inovasi", katanya lagi.

Pertandingan Malaysia Techlympics Peringkat Zon Utara yang bermula dari 8 hingga 9 September ini menyaksikan seramai 2,108 peserta berdaftar dari negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak berkumpul di Dewan Serbaguna Kulim Hi-Tech Park (KHTP), Kulim untuk bersaing bagi melayakkan diri ke Peringkat Akhir Kebangsaan yang akan diadakan pada bulan November 2026 di MAEPS, Serdang. Jumlah tersebut tidak termasuk peserta yang hadir secara *walk-in* bagi beberapa modul khas pertandingan.

Inilah aspirasi yang ingin dibawa melalui Malaysia Techlympics – membina bakat STI hari ini untuk menerajui teknologi masa hadapan, seterusnya menyumbang kepada pembentukan sebuah negara yang lebih inovatif, berdaya saing dan berteraskan teknologi. Dalam mendepani perubahan teknologi yang semakin pantas, Malaysia memerlukan generasi muda yang bukan sahaja celik teknologi, tetapi mempunyai keberanian untuk mencipta, keupayaan untuk mengadaptasi dan daya saing untuk menerajui teknologi.

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
8 SEPTEMBER 2026

Pautan gambar: [FOTO MAJLIS](#)

Kapsyen foto: Datuk Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menyampaikan hadiah kepada para pemenang tempat pertama bagi pertandingan Cabaran Siasatan Jenayah dari Sekolah Kebangsaan Kuala Lanjut. Turut mengiringi YB Prof. Dr. Haim Hilman bin Abdullah, Pengerusi Jawatankuasa Industri Dan Pelaburan, Pengajian Tinggi Dan Sains, Teknologi & Inovasi Negeri Kedah, Puan Norsham Binti Abdul Latif, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Teknologi) MOSTI, Puan Sunita Binti Abdul Aziz, Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Kulim Hi-Tech, Kedah dan En. Abdullah bin Daud, Setiausaha Bahagian Pembudayaan Dan Perkhidmatan Sains, Teknologi & Inovasi, MOSTI.